

**SAJIAN**BERITA

- MUKA DEPAN
- SINGAPURA
- DUNIA
- SUKAN
- EKSTRA!
- KOMENTAR
- FORUM
- EKONIAGA

ARKIB 7 HARI ▾

Mudah cetak  
E-mel

25 Dis 2010

**SINGAPURA**

PANDANGAN

**Kenali 50 wajah**

Oleh

**Chairul Fahmy Hussaini, Nur Adilah Ahmad Mahbob dan Adli Yashir Kuchit**

TAHUN 2010 yang hampir berakhir ini penuh dengan pelbagai peristiwa setempat, antaranya pertumbuhan ekonomi yang rancak.

Tahun 2011 pula, kita boleh menjangka pilihan raya umum diadakan, selain pilihan raya presiden.

Bagi masyarakat Melayu, yang turut menghadapi pelbagai cabaran dan persaingan, pastinya akan terus mendukung usaha untuk sama-sama menyumbang ke arah kemajuan nasional.

Antara isu yang sering diperkatakan adalah perlunya lebih ramai golongan muda Melayu tampil untuk membantu membuat perubahan.

Siapakah antara karyawan Melayu yang dijangka dapat terus meningkatkan sumbangan kepada masyarakat Melayu dan negara dalam pelbagai lapangan?

Dalam hal ini, Berita Harian telah mengenalpasti sebilangan individu Melayu yang dirasakan mampu membantu meningkatkan lagi geraf kemajuan masyarakat.

Mereka terdiri daripada karyawan sektor awam dan swasta serta tokoh politik, asatizah, saintis, usahawan, olahragawan dan penggiat seni, yang dirasakan mampu mengharumkan nama bangsa dan negara pada tahun depan.

Hasil pemerhatian akhbar ini, serta perbualan dengan pelbagai sumber, kami menyenaraikan 50 karyawan yang antara mereka dijangka memainkan peranan atau membuat sumbangan lebih menyerlah.

Mungkin pula ada karyawan yang lebih muda ini berpotensi menyertai politik dan dikatakan telah menghadiri sesi teh parti pemerintah.

Namun, ingin dinyatakan bahawa ia setakat senarai saja kerana pastinya ada lebih ramai lagi individu berbakat yang tidak tersenarai.

Dalam bidang keagamaan misalnya, akhbar ini merasakan empat individu akan memainkan peranan sangat penting dalam memimpin dan mencorakkan 'wajah' masyarakat Muslim Singapura dalam menyesuaikan kehidupan beragama dengan dunia moden, di samping memantapkan institusi keluarga.

Senarai kami mengandungi individu seperti bakal Mufti baru, Ustaz Mohamed Fatris Bakaram; Presiden, Mahkamah Syariah, Ustaz Alfian Yasrif Kuchit; Presiden, Persatuan Pemuda Islam Singapura (PPIS), Cik Sapiyah Molla; dan, Pengarah Urusan SimplyIslam, Encik Mohammed Nassir Abdul Sukkur,

Sementara itu, mungkin tidak ramai yang ketahui peranan Cik Sharifah Farah Mahmood Aljunied dalam usaha Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) mendekati belia.

Sebagai Timbalan Pengarah, Pembangunan Kurikulum dan Belia, Cik Sharifah Farah memainkan peranan di belakang tabir dalam membantu melakar pendekatan serta strategi yang relevan bagi pembelajaran agama dalam konteks masyarakat Singapura, melalui program-program Kids dan Teens aLive.

Dalam kepimpinan nasional, dua individu disebut-sebut sebagai calon untuk dipertandingkan dalam pilihan raya presiden yang harus diadakan pada atau sebelum Ogos ini.

Mereka adalah Speaker Parlimen, Encik Abdullah Tarmugi dan anggota Majlis Penasihat Presiden (CPA), Encik Po'ad Shaik Abu Bakar Mattar.

Tanggungjawab yang dipikul Menteri Negara (Ehwal dalam Negeri dan Pendidikan) Encik Masagos Zulkifli Masagos Mohamad juga menerima pemerhatian akhbar ini.

Usaha beliau dalam 'mempromosikan' pendidikan prasekolah dan dalam menangani isu kenakalan remaja dan masalah samseng di peringkat nasional adalah amat kritikal.

Parti politik pembangkang juga dijangka turut mencipta sejarah. Pengurus Projek Serantau, Cedegim, Encik Syafarin Sarif, dijangka menjadi calon Melayu pertama dari parti pembangkang memasuki Parlimen.

Beralih pada bidang kesihatan pula, tiga karyawan - pakar jantung, Dr Abdul Razakjr Omar; Zamil Penyelidik Kanan, Dr Azlinda Anwar; dan pakar mata Dr Mohamad Rosman Othman - dijangka lebih 'sibuk' dengan tugas mereka sebagai pakar perubatan dan saintis.

Di arena media, Cik Zuraidah Ibrahim, yang baru-baru ini dilantik Timbalan Editor di akhbar Inggeris The Straits Times, disenarai kerana dijangka memikul tugas penting menyelia liputan pilihan raya umum dan pilihan raya presiden yang dijangka diadakan tahun depan.

VODCAST<sup>CYBERITA</sup>



Uji Pandu Audi R8  
2:13min



How Melayu are you?  
1:15min



Destinasi Romantis  
5:27 min



**SINGAPURA**

- 210 gagal mohon jadi ejen atau jurujual hartanah
- Muzium paduan seni dan sains
- Mulai lusa 'bangsa' anak boleh didaftar secara dwibangsa
- Mahu usaha atasi masalah sosial dipergiat
- Warga Singapura serik ke kelong sekitar Pulau Sibul
- Lega sisa tiub tiada lagi dalam perut
- Tarif elektrik rumah naik bagi Jan-Mac depan
- Lima remaja ditahan disyaki cuba pecah masuk kedai
- Penerima Biasiswa Muis mahu sumbang kepada masyarakat
- Ceramah undang-undang ubah elok bagi kontraktor

Dalam memperkasa masyarakat, Encik Saktiandi Supaat, Encik Alwi Hafiz, Encik Shafie Shamsuddin, serta beberapa pemimpin badan Melayu/Islam, seperti Cik Moliah Hashim dan Encik Nizam Ismail dilihat sebagai antara peneraju utama.

Menyentuh isu perubahan iklim dan pemanasan global pula, Pengarah Kumpulan Perdagangan Antarabangsa, Kementerian Perdagangan dan Perusahaan (MTI) Encik Rosman Ithnain; dan Zamil Penyelidik Madya di Universiti Teknologi Nanyang (NTU), Cik Sofiah Jamil, dijangka terlibat lebih aktif dalam melakar sumbangan rakyat dan republik ini dalam menangani isu itu.

Di sebalik sekitaran iklim yang semakin tidak menentu digandingkan dengan bencana alam yang kian berleluasa di merata dunia, peranan badan bantuan kemanusiaan seperti Mercy Relief, diterajui Ketua Eksekutifnya, Encik Hassan Ahmad, dan sumbangan Pasukan Pertahanan Awam (SCDF) di bawah pimpinan Kolonel Anwar Abdullah sebagai pengarah operasi, amat genting.

Bagi bidang seni dan kesusasteraan pula, pelakon Rafaat Hamzah, penyanyi Sezairi Sezali dan sasterawan Johar Buang mungkin menjadikan senario seni lebih gah dengan sentuhan estetik dan kreativiti mereka.

Di harap kesemua 50 individu ini dapat memainkan peranan lebih 'aktif' tahun depan.

[KENALI KAMI](#) | [HUBUNGI KAMI](#) | [LANGGAN BH/BM](#) | [WAKTU SOLAT](#) | [CUACA](#)

Best viewed at 1280x800 resolution with IE 6.0 or FireFox 2.0 and above  
Copyright © 2010 Singapore Press Holdings Ltd. Co. Regn No. 198402868E | [Privacy Statement](#) | [Terms & Conditions](#)